

BANK ISLAM TAWAR BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA BANJIR

Bantuan fleksibiliti pembayaran pembiayaan dan kemudahan untuk PMKS yang terjejas; sokongan tambahan untuk pelanggan Pembiayaan-i Rumah, Peribadi dan Kenderaan

KUALA LUMPUR, Rabu, [26 November 2025]: Peka dengan situasi banjir yang menjejaskan beberapa kawasan di seluruh Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) hari ini mengumumkan langkah-langkah bantuan kewangan yang mengutamakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) terjejas, di samping sokongan untuk pelanggan individu.

Bagi membantu PMKS yang terjejas, Bank Islam menawarkan program pembiayaan Kemudahan Bantuan dan Adaptasi (RAft) untuk perniagaan di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kawasan bencana banjir. Di bawah kemudahan ini, PMKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan untuk membaik pulih atau menggantikan aset perniagaan yang rosak seperti kilang pembuatan dan mesin serta modal kerja asas.

Moratorium sehingga enam (6) bulan turut ditawarkan kepada pelanggan PMKS Bank Islam sedia ada di kawasan bencana banjir yang ditetapkan oleh NADMA. Bantuan kewangan ini merangkumi semua kemudahan kredit dengan pembayaran yang dijadualkan atau perlu dibayar mengikut kontrak, termasuk Kemudahan Pembiayaan Berjangka, Kredit Pusingan & Talian Tunai serta Perdagangan.

Program Pembiayaan RAft juga disediakan bagi para pelanggan yang berada di kawasan berpotensi untuk mengalami bencana serupa pada masa hadapan.

Bank Islam meneruskan semula Program Prihatin Banjir untuk pelanggan pembiayaan individu. Pelanggan Pembiayaan-i Rumah, Peribadi dan Kenderaan yang terjejas bencana boleh memohon penangguhan bayaran ansuran bulanan sehingga enam (6) bulan, tertakluk kepada terma dan syarat berkaitan. Bank turut menawarkan penggantian percuma untuk Kad Kredit dan Debit-i serta buku cek yang rosak atau hilang.

Permohonan bantuan kewangan boleh dikemukakan di cawangan Bank Islam terdekat dalam tempoh tiga (3) bulan selepas kejadian. Maklumat lanjut mengenai bantuan yang disediakan boleh diperoleh di laman web korporat Bank Islam di www.bankislam.com.

Pelanggan Pembiayaan-i Perniagaan yang terjejas boleh membuat pertanyaan dan memohon bantuan di cawangan Bank Islam terdekat atau melalui e-mel di smeassist@bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.